

RASA BERANG DALAM NOVEL SUTHATTAM AADUM KAALAM

Kaleiwani Subramoniam
Manonmani Devi M.A.R Annamalai

ABSTRAK

Kajian ini menerapkan teori rasa-fenomenologi dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam* yang dikaryakan oleh Re.Karthigesu. Kajian ini memfokuskan objektif pertama dan kedua iaitu mengenal pasti dan menganalisis perasaan berang yang tertera dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam*. Pengkaji mengaplikasikan teori rasa-fenomenologi yang diasaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 1998. Sohaimi Abdul Aziz menggabungkan dua teori yang berasal dari barat dan timur. Sohaimi Abdul Aziz menggabungkan teori rasa dari timur dan barat, maka munculnya teori rasa-fenomenologi. Dalam teori rasa-fenomenologi, istilah berang dirujuk sebagai sinonim kepada perasaan marah. Dalam ekspresi sastera, rasa berang merupakan salah satu perasaan yang menimbulkan marah melalui peristiwa atau situasinya. Situasi ataupun korelatif objektif yang melibatkan cemuh, membalas dendam, cemburu, memfitnah dan sebagainya boleh menimbulkan rasa berang dalam diri seseorang. Apabila seseorang individu itu mengalami rasa berang, maka boleh melibatkan diri dalam pergaduhan, pembohongan, ketidakjujuran, pertengkaran dan sebagainya. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif untuk menganalisis novel *Suthattam Aadum Kaalam*. Pengkaji melibatkan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Pengkaji menggunakan novel *Suthattam Aadum Kaalam* yang diterbitkan pada tahun 2005. Menerusi analisis novel *Suthattam Aadum Kaalam* dapat membuktikan bahawa teori rasa-fenomenologi memang tepat, sesuai dan dapat memperlihatkan perasaan watak yang terdapat dalam novel Re. Karthigesu. Re. Karthigesu dapat mengembangkan korelatif objektif dengan teknik penulisannya. Keberkesannya mengembangkan korelatif objektif ini telah dapat memberi nikmat estetik kepada pembaca. Justeru itu, pembaca akan dapat menikmati keberkesanan penulisan jika pengarang dapat memberi tumpuan kepada ekspresi rasa dalam penulisannya. Keseluruhannya, rasa marah yang dikenali sebagai rasa berang dapat dijelaskan dengan nyata dalam novel Re. Karthigesu iaitu *Suthattam Aadum Kaalam*.

Kata kunci: Novel *Suthattam Aadum Kaalam*, Teori Rasa-Fenomenologi, Kajian Kualitatif

PENGENALAN

Kesusasteraan berpotensi untuk mencerminkan perubahan kehidupan masyarakat dari aspek sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Menurut Miler 2013, kesusasteraan memperincikan unsur-unsur perasaan kreativiti, pemikiran yang memfokuskan kehidupan dari segi individu, keluarga dan masyarakat. Berdasarkan iltizam tersebut, pengkaji hendak memfokuskan novel-novel Re.Karthigesu yang menceritakan kehidupan harian masyarakat. Menerusi karya-karya Re.Karthigesu, pengkaji hendak memperlihatkan perasaan-perasaan yang diluahkan oleh watak-wataknya.

Psikologi merupakan bidang akademik dan gunaan yang mengkaji tentang tingkah laku dan minda manusia. Keinginan seseorang berpunca daripada pergolakan emosi. Emosi dalam seseorang manusia meluahkan perasaan yang tidak sempurna. Individu yang memiliki perasaan negatif seperti marah, sedih dan takut akan cepat berputus asa. Apabila mengalami perasaan negatif, mereka sanggup melakukan tindakan yang tidak normal seperti menyakiti diri, mencedarakan diri, malah ada juga yang sanggup membunuh diri. Individu yang berada dalam keadaan marah sukar untuk mengurus atau mengawal perasaan diri dengan baiknya.

Dengan ini, pengkaji memfokuskan teori *rasa-fenomenologi* untuk menganalisis novel *Suthattam Aadum Kaalam* hasil karya Re.Karthigesu. Teori *rasa-fenomenologi* (TRF) adalah gabungan daripada dua buah teori dari barat dan timur. Sohaimi Abdul Aziz, seorang pensyarah dari Universiti Sains Malaysia (USM) telah menggabungkan kedua-dua teori tersebut dan mewujudkan sebuah teori *rasa-fenomenologi* pada tahun 1998. Buku "*Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap karya A.Samad Said*" menerangkan kandungan teorinya secara jelas dan terperinci. Selain itu, teori *rasa-fenomenologi* juga diterapkan dalam kajian Azaha bin Ibrahim (2016) bagi tujuan mengkaji *Rasa-Fenomenologi Dalam filem-filem Arahan dan Lakonan oleh P.Ramlee*. Sehubungan itu, pengkaji mengaplikasikan teori *rasa-fenomenologi* dalam, karya kesusasteraan Tamil. Pengkaji memfokuskan novel *Suthattam Aadum Kaalam* yang dikaryakan oleh pengarang Re.Karthigesu. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis novel *Suthattam Aadum Kaalam* yang memperlihatkan rasa berang. Pengkaji memilih salah satu karya Re.Karthigesu iaitu *Suthattam Aadum Kaalam* yang diterbitkan pada lingkungan tahun 2005.

PERNYATAAN MASALAH

Pada dasarnya, kesusasteraan boleh menjadi wahana yang berkesan untuk memahami kebenaran yang sukar difahami. Menurut Picasso (1988), Seni adalah suatu kebohongan yang membantu kita menyedari dan memahami kebenaran. Begitu juga dengan Jessamyn West (1990) yang menyatakan bahawa '*Fiksyen mengungkapkan kebenaran yang kenyataannya kabur*'. Ini bermakna sastera diaduni dengan unsur-unsur kebenaran dan imaginasi dalam proses pengaryannya.

Pakar psikologi dan para pengkritik sastera berpendapat bahawa kedua-dua bidang ini mempunyai tujuan dan matlamat yang sama. Kedua-dua bidang ini menggambarkan tingkah laku manusia dalam kehidupan nyata dan mental mengikut perubahan persekitaran konteks, dan keadaan (Grant, 1987).

Description of behaviour of a certain person (in good Literature) will evoke in the mind of the reader a full, rich, rounded, and very lifelike picture of a person -in- action as seen against the background of his life and times.

(Wood, 1955, p.32)

Berdasarkan kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa pengarang menghasilkan karya sastera bukan semata-mata untuk tujuan hiburan. Setiap pengalaman yang diterjemahkan oleh pengarang ke dalam bahasa dilihat berkaitan dengan pemahamannya dan dibatasi oleh rujukan peribadinya dengan manusia lain. Andaian ini telah dikukuhkan dengan pelbagai kajian psikolinguistik: kajian mengenai hubungan antara bahasa dan ciri-ciri tingkah laku seseorang penutur (dalam konteks ini pengarang). 'Use what language you will, you can never say anything but what you are'- Emerson (Bikerts, 2012); 'No matter what we see, it is ourselves that we report'- Steinbeck (Marshall, 2011).

Memandangkan bidang psikologi dirujuk sebagai kajian terhadap minda dan tingkah laku, bidang itu turut merangkumi pengaruh biologi, tekanan sosial dan faktor persekitaran yang mempengaruhi cara seseorang itu berfikir, bertindak berasa dan sebagainya (Cherry, K. 2020). Ini kerana, psikologi adalah cabang Sains yang cuba memahami, meramal dan mempengaruhi tingkah laku manusia secara khususnya dengan mengkaji tingkah laku secara saintifik dan menggunakan teori serta dapatan para pengkaji lain untuk menyelesaikan masalah secara praktikal (Mohamed, 2014).

Dalam istilah psikologi, emosi merupakan bahasa dalaman seseorang berkait rapat dengan tindak balas (fizikal) daripada sensitiviti perasaan dalaman dan luaran (Mohd Fadzli Abu Bakar, 2005). Melihat dari perspektif psikologi lagi, dinyatakan bahawa keinginan itu berlaku apabila ego manusia bertembung dengan persekitaran yang pelbagai ragam. Pada hakikatnya, pergolakan emosi ini disebabkan oleh perasaan yang tidak sempurna, tidak lengkap atau tidak memenuhi (*non-fulfillment*) yang terbentuk dalam fikiran seseorang (Dharitri Ramaprasad, 2013).

Dengan ini dapat merumuskan bahawa sastera mencerminkan atau membantu proses pemahaman terhadap pengalaman manusia yang benar dan pengalaman manusia ini terhasil daripada pergolakan emosi apabila ego manusia berdepan dengan pelbagai fenomena dalam persekitaran. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa pengarang turut berusaha untuk menyelitikan elemen bahasa yang menarik unsur imajinasinya dalam pengayaan sastera.

Melihat aspek ini dalam konteks Malaysia, kajian Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Kerjasama Kesihatan dan Morbiditi Nasional (K&MN) pada tahun 2017 mengenai krisis peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan remaja memberi gambaran terhadap persekitaran sosial yang wujud di negara ini. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa perangkaan kes bunuh diri remaja meningkat sebanyak 2.1 peratus dalam tempoh masa lima tahun. Naluri perasaan dilihat sebagai antara punca yang mendorong remaja untuk membunuh diri (Code Blue, November 2019). Apabila mengaitkan fakta ini dalam kerangka pengayaan sastera di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa para sasterawan turut menjadi sebahagian dalam kalangan masyarakat di negara ini yang berkemungkinan terdorong atau mendapat ilham untuk mendedahkan pelbagai fenomena dalam persekitaran yang menyebabkan pergolakan perasaan ini secara langsung ataupun secara tidak langsung melalui penghasilan karya.

Sehubungan itu, kebanyakkan masalah sosial, ekonomi, politik dan agama mencengkam golongan masyarakat dengan perasaan negatif. Manusia diselubungi dengan situasi yang tidak normal lalu tidak mengetahui cara yang sesuai untuk mencegah diri daripada perasaan negatif. Selain itu, manusia cepat berputus asa dan mengambil atau mencuba tindakan yang berbahaya semasa mengalami perasaan negatif seperti takut, sedih dan marah. Hasil kajian Nur Ashidah Yahya (2020), menyatakan bahawa kemurungan individu menyebabkan penyakit mental. Ini disebabkan perasaan sedih yang berterusan dalam kehidupan seseorang manusia. Akibat perasaan sedih (negatif) individu berkenaan mencederakan diri sendiri. Manusia mengalami tekanan dalaman dan mengambil keputusan yang negatif. Mereka sukar untuk menjalani hubungan sosial dengan pihak lain.

Pada era moden ini, masyarakat menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan. Mereka mengalami masalah kehidupan lalu berlaku kelunturan perasaan menjejaskan ikatan persahabatan dalam kalangan masyarakat yang merangkumi pelbagai kaum. Manusia memahami sifat-sifat perasaan negatif untuk menyelamatkan diri sendiri dan orang lain. Dalam konteks ini, Sohaimi Abdul Aziz memperkenalkan teori *rasa* -fenomenologi. Beliau menekankan kelapan -lapan rasa dalam teorinya. Teori ini dapat mengenali kelapan-lapan rasa yang menentukan sikap, sifat dan persekitaran yang dialami oleh watak dalam novel Re.Karthigesu. Teori *rasa*-fenomenologi dapat memperincikan perasaan watak-watak menerusi isu dan masalah kehidupan dalam novel Re.Karthigesu.

Kehadiran Re.Karthigesu dalam bidang penulisan novel-novel Tamil Malaysia sangat dihargai. Beliau merupakan antara pengarang tempatan yang menulis fenomena kehidupan masyarakat setempat khususnya masyarakat Tamil di negara ini. Hasil tinjauan yang dilakukan oleh Ponniamah (2016), memperincikan bahawa karya-karya Re. Karthigesu memperlihatkan detik-detik seharian dalam kehidupan manusia dengan jelas dan teliti. Perasaan seperti luka, sakit, duka, kealpaan manusia turut digambarkan melalui pengalaman hidup dan pengamatannya terhadap masyarakat di sekeliling. Dalam novel Re. Karthigesu, watak-watak dan persekitaran memaparkan isu-isu sosial. Oleh itu, pengkaji memfokuskan cara penulisan Re. Karthigesu dan perasaan yang diluahkan oleh wataknya.

Sementara itu, kajian analisis kronologi sejarah kesusasteraan novel Tamil di Malaysia oleh Annathurai & Mohana Dass (2020), menyenaraikan kajian-kajian lepas berkaitan novel Tamil di Malaysia. Berasaskan dapatan kajian tersebut, dapat dinyatakan bahawa hanya latar belakang sejarah, tematik, struktur, elemen, isu-isu kontemporari, watak dan perwatakan, tradisi dan etika warisan masyarakat Tamil dan bahasa menjadi aspek-aspek yang dilibatkan dalam kajian sehingga tahun 2020.

Berdasarkan pengalaman bahawa sastera diaduni unsur-unsur kebenaran dan imaginasi dalam proses pengayaan, terdapat tiga faktor yang menyebabkan kajian ini dijalankan. Berasaskan penganalisaan Vijayalatchumy & Navin (2020), menunjukkan bahawa skop kajian tertentu menjadi keutamaan kajian melibatkan bidang kesusasteraan. Maka, terdapat kekaburan sama ada novel-novel Tamil di Malaysia terbitan mencerminkan ataupun tidak ciri-ciri perasaan manusia berserta fenomena yang wujud di persekitaran.

Selain itu, pengkaji menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menganalisis dan mengekstrak ciri-ciri perasaan manusia beserta fenomena daripada hasil karya sastera. Seterusnya, pengkaji memiliki kekaburan sedikit atas sebesar mana tumpuan diberi oleh pengarang Re.Karthigesu terhadap ciri-ciri perasaan dan fenomena yang wujud di persekitaran dalam novel yang dihasilkannya.

Maka, pengkaji menganalisis dan menerangkan sebab dan akibat perasaan yang diluahkan oleh watak-watak dalam novel Re.Karthigesu. Dengan ini, novel-novel Re.Karthigesu memberi kesedaran kepada pembaca. Disamping itu, pembaca mengetahui cara untuk mengurus dan mengawal pelbagai perasaan dengan pihak lain dan diri sendiri.

Puspavalli & Karthegees (2022), yang menggariskan bahawa teori *rasa*-fenomenologi amat sesuai untuk menganalisis perasaan watak-watak. Pengarang memaparkan luahan perasaan watak melalui teknik penulisan yang kreatif. Menerusi teori *rasa*-fenomenologi, pembaca memiliki kemahiran seperti sensitif, imaginatif dan intelek. Menerusi watak, pembaca turut merasai kedukaan, empati dan mencapai pangalaman estetik yang ditonjolkan oleh pengarang. Menurut pengkaji, emosi tetap pengarang menjadi sebatian dengan emosi tetap pembaca menerusi karya-karya yang dihasilkannya. Pendapat ini, menimbulkan minat penyelidik untuk mengkaji ekspresi rasa dalam novel-novel Re.Karthigesu berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi.

Puspa Nathan (2014) dalam tesis sarjananya telah mengkaji tentang watak wanita dalam cerpen-cerpen Re.Karthigesu. Model-model kritikan feminis yang dikemukakan oleh Showalter digunakan dalam perbincangan watak wanita. Menurut pengkaji, Re. Karthigesu cenderung dalam memerihalkan kisah-kisah kedukaan wanita yang dianggap sebagai satu kaedah terapi bagi melepaskan tekanan emosi yang dialami oleh mereka dalam kehidupan seharian. Menurutnya, Re.Karthigesu memperjuangkan hak dan martabat golongan wanita serta memperkasakan wanita untuk menghadapi hidup bebas dan bahagia. Secara keseluruhan, kajian tesis sarjana ini hanya memaparkan kesedihan menerusi watak wanita dalam karya Re.Karthigesu. Selain rasa duka, apakah jenis-jenis ekspresi rasa yang dilalui oleh watak-watak yang ditonjolkan oleh Re.Karthigesu? Persoalan ini mendorong pengkaji untuk menetapkan objek pertama dan menganalisis jenis-jenis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu.

Anushea Veni (2015) dalam kajian tesis sarjananya telah mengenal pasti watak utama, menganalisis nilai kemanusiaan dalam watak utama, menganalisis nilai kemanusiaan dalam watak utama cerpen Re. Karthigesu serta meneliti peranan watak utama sebagai teladan kepada pembaca dan masyarakat. Secara keseluruhan, kajian ini dapat memberikan impak positif yang ditonjolkan melalui watak utama dalam cerpen Re. Karthigesu untuk dijadikan teladan kepada generasi muda masa kini. Kenyataan pengkaji ini menimbulkan persoalan-persoalan seperti adakah hasil penulisan Re.Karthigesu dapat menganalisis hubungkait ekspresi rasa dalam novelnya dengan emosi tetap pembaca berdasarkan teori *rasa*-fenomenologi? Kemusykilan ini membuka ruang kepada penetapan objektif kedua dan mendorong pengkaji membuat kajian.

Pada tahun 2021, Muhammad Nor Sahfiq dan Mas Rynna Wati Ahmad telah menerbitkan sebuah jurnal Melayu yang berjudul 'Rasa Emosi Hang Jebat Dalam Hikayat Hang Tuah'. Penyampaian emosi dalam teks berbentuk prosa klasik adalah berbeza dengan penyampaian emosi dalam penulisan sastera moden. Jurang perbezaan tersebut dilihat dari sudut penggunaan daftar kata sastera lama dalam prosa klasik yang menyukarkan pemahaman konteks dan kurang menarik minat pembaca khususnya remaja.

Magaswari Eliyarni Subramaniam (2021) pula menerbitkan sebuah tesis doktor falsafah yang bertajuk Cetusan *Envakai Meyppatu* Dalam Novel M.Ramaiah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti *envakai meyppatu*, menganalisis cara-cara pengarang mencetuskan meyppatu dan menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan melalui cetusan *envakai meyppatu* yang terpapar dalam novel M.Ramaiah. Kajian ini ialah kepustakaan yang menerapkan kaedah analisis teks dan deskriptif untuk menganalisis tujuh buah novel karya M.Ramaiah. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan teori meyppatu yang diutarakan oleh Tolkappiar, yang merangkumi lapan variasi rasa terdiri daripada nakai (tawa), alukai (tangkisan), ilivalar (hina), marutkai (kagum), accam (takut), perumitam (bangga), vekuli (marah) dan uvakai (gembira) yang terpapar dalam ketujuh-tujuh novel yang dikaji.

OBJEKTIF KAJIAN

- I. Mengetahui ciri-ciri *rasa*-fenomenologi dalam karya Re. Karthigesu berpandukan pada teori yang diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz.
- II. Mengaplikasikan teori *rasa*-fenomenologi dalam proses mengkaji rasa berang dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam*.

PERSOALAN KAJIAN

- I. Apakah ciri-ciri *rasa*-fenomenologi yang terdapat dalam karya Re. Karthigesu?
- II. Bagaimanakah pengkaji menganalisis rasa berang dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam*?

REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian merujuk kepada kerangka yang diguna dalam kajian untuk mengutip dan menganalisis data. Berdasarkan pandangan Creswell (2009) pula, reka bentuk kajian merupakan aspek yang melibatkan intreraksi antara falsafah kajian, strategik penyelidikan dan metodologi kajian.

Menurut Trochim (2006), kaedah kualitatif, merupakan reka bentuk kajian anjal. Ini kerana kajian kualitatif tidak menetapkan aspek apa dan bagaimana secara khusus apabila kajian hendak dimulakan pada awal. Selain itu, reka bentuk kualitatif lebih sesuai diguna pakai dalam kajian yang dijalankan bagi tujuan memahami fenomena atau konsep yang berkaitan dengan faktor yang dikaji (Creswell,2009).

Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif dalam kajian ini. Pengkaji menerapkan pendekatan deskriptif untuk mengkaji perasaan dalam cerpen Tamil. Reka bentuk kualitatif membantu pengkaji untuk memperoleh dan memberi penjelasan serta

pemerhatian yang berbentuk bukan angka, tetapi berbentuk kata-kata dan gambar. Reka bentuk kualitatif ini amat sesuai digunakan untuk mengutip data secara berfokus dan membuat analisis dalam kajian.

Reka bentuk kualitatif bukan sahaja berfokus terhadap pengutipan maklumat berkaitan kajian, malah kaedah tersebut digunakan untuk memastikan dapatan yang dikutip tersebut lebih sahih dalam kajian yang dijalankan. Seterusnya, reka bentuk kualitatif digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang sesuatu perkara yang dikaji oleh penyelidik.

Reka bentuk kualitatif memudahkan proses pentafsiran data yang dikumpul untuk dihubungkan dengan teori. Penerapan teori dalam kajian ini mempermudah perjalanan kajian dengan lancar. Di samping itu, penerapan teori dalam karya sastera membolehkan pengkaji menganalisis karya-karya secara mendalam mengikut skop yang terlindung dalam lingkungan teori yang tersendiri dan tidak terkeluar daripada lingkungannya. Menerusi reka bentuk kualitatif, setiap aspek daripada data boleh dipadankan dengan teori. Pengkaji menggunakan teori *rasa-fenomenologi* untuk menganalisis data yang diperolehi daripada bahan kajian iaitu novel Re. Karthigesu yang berjudul, *Suthattham Aadum Kaalam*.

Pemerolehan dapatan dalam kajian ini berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif, di mana pengkaji melakukan penelitian yang mendalam terhadap teks-teks novel yang dihasilkan dalam lingkungan tahun 1981 hingga 2005 oleh Re. Karthigesu seorang mantan pengarang Tamil Malaysia. Pengkaji yakin bahawa pemilihan reka bentuk kualitatif ini dilihat lebih rasional dari sudut kebolehcapaian terhadap objektifnya dalam kajian-kajian berunsur kesusasteraan.

Creswell (2012) menjelaskan bahawa data kajian perlu dipersembahkan dalam bentuk perbincangan deskriptif, kekerapan, jadual atau gambar rajah. Penelitian deskriptif dilakukan dalam kajian untuk menjelaskan atau mentafsirkan sesuatu keadaan, peristiwa, objek ataupun maklumat yang berkaitan dengan bahan kajian. Deskriptif adalah antara usaha atau kaedah yang menggambarkan dan menginterpretasi objek supaya selari dengan apa yang ada (B. Johnson & L. Christensen, 2008: 366)

KERANGKA TEORI

Teori kajian pengkaji ialah Teori *rasa-fenomenologi*. Pengkaji mengaplikasikan kerangka teori yang tepat bagi menjelaskan tajuk kajian berdasarkan teori *rasa-fenomenologi*. Kerangka teori yang terhasil melalui penggabungan dua buah teori dari barat dan timur yang dipelopori oleh Sohaimi Abdul Aziz amat berguna dalam kajian ini. Kerangka teori ini amat berguna kepada pengkaji untuk mencapai objektif kajian dan melanjutkan kajian dengan baik. Dengan ini, pengkaji dapat menggunakan pendekatan yang sesuai untuk mengkaji hasil karya Re. Karthigesu. Kerangka teori ini lebih berguna kepada pengkaji untuk mengenal pasti dan menganalisis novel-novel Re. Karthigesu berdasarkan lapan rasa yang terkandung dalam teori *rasa-fenomenologi*.


Menerusi kerangka teori ini, pengkaji menganalisis novel Tamil Re. Karthigesu secara terperinci. Pengkaji meneliti unsur perasaan wataknya dalam novel Re. Karthigesu. Pengkaji membaca dan memfokuskan hasil karya R. Karthigesu dengan situasi yang meluahkan perasaan seperti mana yang dicatatkan dalam kerangka teori. Sehubungan itu, pengkaji mencatatkan muka surat dan menyenaraikan situasi mengikut rasa berang.

Menerusi teori *rasa-fenomenologi* kaedah kontekstual mewujudkan ruang kepada pembaca untuk berinteraksi dengan karya. Begitu juga pembaca menganalisis hasil karya Re. Karthigesu dan dapat berinteraksi dengan novel secara mendalam. Dengan ini, pembaca memahami karya dengan baik dan mengetahui pengalaman estetik yang tepat berdasarkan karya yang dihasilkan oleh pengarang Re. Karthigesu. Sehubungan itu, pembaca memahami karya Re. Karthigesu dan mengenal pasti perasaan yang diluahkan oleh wataknya melalui novel.

Pembaca bersedia secara mental untuk mendapatkan kefahaman terhadap karya Re. Karthigesu. Pembaca melakukan proses imaginasi terhadap karya yang dibaca. Seterusnya, melakukan proses estetik intertekstual. Dalam proses ini pembaca merasa rasa estetik sesebuah karya yang dibacanya. Pembaca mengalami proses pengkonkritan estetik (persepsi estetik). Peringkat akhirnya, identifikasi yang melibatkan proses empati.

Menerusi hasil karya Re. Karthigesu pembaca dapat memperlihatkan 'wajah' pengarang secara jelasnya. Dalam situasi ini pengalaman pengarang menjadi aspek yang penting bagi keaktifan emosi tetap. Sehubungan itu, latar belakang pengarang membuka ruang kepada pembaca untuk mengenali ekspresi sastera dengan lebih jelas dan tepat.


Ekspresi sastera dapat dilihat semasa tenaga kreatif pengarang terjemah ke dalam karya yang dihasilkan. Korelatif objektif yang dibangunkan oleh pengarang dalam hasil karyanya menerusi teknik penulisan yang kreatif. Selepas membaca karya Re. Karthigesu, pembaca menghidupkan korelatif objektif menerusi interaksi dengan karya pengarang. Apabila wujudnya interaksi antara pengarang, pembaca dan karya, pengkaji memfokuskan korelatif objektif yang menjadi implikasi kepada manusia dalam novel-novel Re. Karthigesu. Seterusnya, pengkaji meneliti karya Re. Karthigesu dengan korelatif objektif yang dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Aziz ke dalam lima buah novel.



Rajah 1.1 Kerangka Teori

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah deskriptif untuk mengenal pasti dan menganalisis perasaan yang tertera dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam*. Pengkaji menjelaskan teori dalam kajian berdasarkan pada hasil dapatan kaedah deskriptif. Reka bentuk kualitatif sesuai digunakan untuk memahami fenomena atau konsep yang berkaitan dengan kajian (Creswell, 2009). Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif dalam kajian ini. Pengkaji menerapkan pendekatan deskriptif untuk mengkaji perasaan dalam cerpen Tamil. Reka bentuk kualitatif membantu pengkaji untuk memperoleh dan memberi penjelasan serta pemerhatian yang berbentuk bukan angka, tetapi berbentuk kata-kata dan gambar. Reka bentuk kualitatif ini amat sesuai digunakan untuk mengutip data secara berfokus dan membuat analisis dalam kajian. Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif untuk mengkaji novel *Suthattam Aadum Kaalam* berpandukan teori *rasa-fenomenologi* secara terperinci. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kajian kepustakaan bagi mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Dengan menggunakan instrument pengekodan, pengkaji meneliti erti-erti halus mengenai rasa dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam*. Pengkaji melakukan pengekodan secara baris demi baris untuk mengenal pasti objektif pertama. Menerusi proses pengekodan, objektif kedua memudahkan pengkaji untuk menganalisis novel *Suthattam Addum Kaalam* berpandukan teori *rasa-fenomenologi* secara lebih mendalam. Teori *rasa-fenomenologi* merangkumi lapan emosi tetap, iaitu rasa lucu (riang), rasa berahi (kasih), rasa berang (marah), rasa duka (sedih), rasa wira (tenaga), rasa benci (jijik), rasa kagum (hairan) dan rasa dahsyat (takut). Antara emosi-emosi tersebut, pengkaji berfokus pada rasa berang yang terkandung dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam*. Kelapan -lapan rasa adalah seperti rajah berikut: -



Rajah 1.2 Menerangkan Perhubungan Antara Emosi Tetap Pengarang Dan Pembaca Dengan Ekspresi Sastera.

DAPATAN KAJIAN

Perasaan berang didefinisikan sebagai perasaan marah (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka 2017). Menurut Al-Ghazali 1988, perasaan marah ini ibarat nyalaan api yang membakar hingga ke hati manusia. Perasaan marah hampir sama dengan syaitan kerana syaitan yang berasal daripada api. Perasaan marah akan menyebabkan seseorang itu bertindak secara agresif seperti menendang, melempar ataupun mengamuk buat seketika sehinggalah mereka berasa reda ataupun bertenang semula. Rasa berang dikaitkan dengan peristiwa atau situasi yang dapat menimbulkan kemarahan. Menurut pandangan Sohaimi Abdul Aziz, rasa berang diluahkan dengan tindakan seperti membalas dendam, cemburu, membuat tohmahan, memfitnah, menghina dan sebagainya. Menerusi teori *rasa-fenomenologi* yang diasaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz, rasa berang dapat diperlihatkan dalam situasi seperti pergaduhan, pertengkaran, perkosaan, penderaan, pembohongan, ketidakjujuran, ketidaksetiaan, ugutan ataupun ancaman nyawa. Perasaan berang berlaku apabila perubahan fisiologi seperti meningkatkan degupan jantung ataupun mengkencangkan hembusan nafas. Ini disebabkan perubahan hormon serta membangkitkan tenaga untuk bertindak secara luar biasa. Perasaan ini wujud apabila seseorang individu tidak bersetuju ataupun mempunyai pendapat yang bercanggah dengan orang lain. Pengkaji memberi tumpuan terhadap rasa berang serta menganalisis kewujudan rasa berang dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam* hasil karya Re. Karthigesu. Pengkaji memfokuskan situasi yang menimbulkan kemarahan pada watak-watak yang digunakan dalam novel tersebut.

Jadual 1.1 memperincikan kewujudan situasi rasa berang dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam*. Dalam novelnya, rasa berang yang dirakamkan oleh pengarang Re. Karthigesu dapat dilihat dalam tujuh petikan. Tujuh petikan tersebut memaparkan situasi kemarahan keseluruhannya. Menurut pada pengkaji, rasa berang telah digambarkan dalam novelnya melibatkan pelbagai situasi, watak dan latar mengikut hasil kreativiti Re. Karthigesu.

Jadual 1.1 Analisis Penemuan Rasa Berang Dalam Novel *Suthattam Aadum Kaalam*

Bil	TRF	Tajuk Novel	Muka Surat
1	Rasa Berang	Suthattam Aadum Kaalam	26, 45, 64, 83,104, 105, 121, 153

Pengkaji memilih novel *Suthattam Aadum Kaalam* untuk mengetahui perasaan manusia berpandukan pada teori *rasa-fenomenologi*. Dapatan kajian memfokuskan situasi-situasi yang menimbulkan membalas dendam, cemburu, membuat tohmahan, memfitnah dan menghina dalam kehidupan watak-watak yang dikaryakan. Kehadiran rasa berang dalam novel bukan sahaja mengakibatkan peristiwa atau situasi yang dapat menimbulkan kemarahan kepada watak, malah kepada pembaca juga. Dengan ini, pengkaji memfokuskan beberapa petikan dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam* untuk memperincikan kelahiran rasa berang.

SITUASI 1 (Rasa Berang)

Dalam novel '*Suthattam Aadum Kaalam*', setiap kali menerima warkah daripada ibunya, ia telah menimbulkan rasa berang kepada watak Khatiresan. Ibunya telah melarikan diri dengan meninggalkan ayah dan Khatiresan ketika dia berusia dua tahun. Semenjak itu, ayah Khatiresan yang membesarkan dia. Ayahnya sentiasa meluahkan rasa benci dan marah isterinya terhadap Khatiresan. Ini kerana, Khatiresan sentiasa menjadi mangsa cacian daripada ayahnya. Keadaan ini bertambah buruk apabila dia diseksa dan didera oleh ayah dan makciknyanya. Petikan berikut menerangkan situasi rasa berang yang dialami oleh watak khatiresan terhadap ibunya.

"Mengapa dia menulis surat kepadaku? Mengapa dia berhasrat untuk menghubungiku? Kenangan yang terputus mungkin kekal terputus. Wajah pun tidak dapat diingati sekarang. Memang bagus. Wajah yang perlu dilupai selamanya. Wajah yang perlu dicuci seperti kotoran.

(*Suthattam Aadum Kaalam*, p.26)
(Re.Karthigesu, 2005)

Watak Khatiresan meluahkan rasa berang terhadap ibunya. Ini kerana ibunya telah melarikan diri. Sewaktu melarikan diri, ibunya telah dituduh sebagai pembunuh anak perempuannya yang berusia 2 bulan. Pembunuhan ini telah menjadi berita utama di akhbar-akhbar utama ketika itu. Kejadian ini menyebabkan khatiresan dan ayahnya berasa malu dan menjadi mulut ejekan daripada penduduk kampung. Ekoran daripada itu, ayahnya sentiasa menjadikan Khatiresan sebagai mangsa untuk membalas hinaan yang dilemparkan kepadanya. Ayahnya sentiasa menghina Khatiresan dengan menggunakan kata-kata kesat seperti anak ibu pelacur dan anak durjana. Khatiresan berasa berang apabila mendapati nama gelaran itu menjatuhkan air mukanya.

Makcik dan kedua-dua orang anaknya telah menyalahkan khatiresan yang mencuri wang di rumah. Ayah khatiresan telah berang dan melecurkan kulitnya dengan besi yang dipanaskan di dapur gas. Khatiresan menjerit kesakitan dan melarikan diri. Akhirnya dia mendapat perlindungan daripada guru sekolahnya iaitu Encik Murugesan dan isterinya Savitri. Merekalah yang membesarkan Khatiresan sehingga dia berjaya dalam pelajaran. Kini, Khatiresan merupakan seorang pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi di Universiti Sains Malaysia. Walaupun Khatiresan berjaya dalam kehidupan, peristiwa pahit yang dialami diambang kanak-kanak masih menjadi parut hatinya. Ia bertambah buruk apabila mendapat warkah daripada ibu kandung yang dibenci olehnya. Sejak dia menuntut di luar negara sehingga bertugas di universiti, dia sentiasa menerima surat daripada ibunya yang bertanyakan khabar serta merayu maaf ke atas kesalahan yang dilakukan. Namun, surat daripada ibunya menyebabkan perubahan fisiologi seperti meningkatkan degupan jantung dan menimbulkan kemarahan Khatiresan. Pengarang mengaryakan rasa berang yang dialami oleh watak Khatiresan. Dalam novelnya. Dalam situasi ini, emosi tetap pengarang sama dengan emosi tetap pembaca dan keadaan berang dapat dijelaskan dengan terperinci. Dalam situasi ini, pembaca juga turut berasa marah terhadap watak ibu Khatiresan.

SITUASI 2 (Rasa Berang)

Rasa berang juga dapat dilihat dalam kalangan celik huruf. Situasi berkenaan dapat dibuktikan dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam*. Re. Karthigesu dapat menonjolkan watak Doktor Nordin sebagai watak yang cepat meluahkan perasaan sehingga menyebabkan pertengkaran. Menurut Azizi Haji Abdullah (2007), perasaan berang tidak boleh dikawal oleh sesiapa dalam kehidupannya. Berikut adalah petikan novel tersebut:

Dr.Nordin memandang penglihatan ke arah Kathiresan melalui cermin mata tebalnya dan merenung dean seketika. Kemudian dia bertanya dengan sedikit kemarahan dan kejengkelan dalam suaranya. 'Mengapa anda perlu berbuat demikian? Saya telah menjalankan kursus itu selama enam tahun yang lalu. Saya mempunyai pengalaman. Mengapa berpindah kepada orang baru?

(*Suthattam Aadum Kaalam*, p.45)
(Re.Karthigesu, 2005)

Dr.Nordin digambarkan sebagai watak yang cepat marah dan tidak menghormati pendapat orang lain. Ini jelas menunjukkan dalam mesyuarat dekan dengan pensyarah-pensyarah. Dr.Nordin tidak berpuas hati apabila subjek pengumpulan dan penulisan berita yang dipegang selama ini diberikan kepada Kathiresan. Menurutnya lagi, beliau telah mengajar subjek tersebut selama enam tahun dan mempunyai pengalaman yang secukupnya. Menurutnya lagi, pensyarah baru seperti Kathiresan perlu diberi peluang untuk mengajar pelajar tahun pertama di universiti untuk menimba pengalaman. Beliau dengan rasa kemarahan menentang tindakan dean yang mengambil keputusan terburu-buru tanpa berbincang dengan pensyarah kanan. Berdasarkan daripada situasi tersebut pengarang memperincikan rasa berang dalam novelnya dengan teknik penulisan yang berkreaitif. Pembaca dapat memahami kemarahan yang dialami oleh watak dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam* seperti mana yang difikirkan oleh pengarang.

SITUASI 3 (Rasa Berang)

Novel *Suthattam Aadum Kaalam* menjelaskan situasi rasa berang yang dialami oleh watak Kathiresan apabila mendapati dirinya sentiasa dipukul dan diseksa oleh ayahnya. Apabila berlaku pertelingkahan antara Kathiresan dengan makciknyanya, dialah yang menjadi mangsa tohmahan. Makciknyanya menyalahkan Kathiresan menghina dirinya yang melarikan dengan lelaki kasta bawahan. Apabila mendengar rungutan daripada adiknya, ayah Kathiresan berasa marah lalu memukul Kathiresan dengan kayu. Sedutan berikut menggambarkan situasi berang yang menyebabkan ayah Kathiresan memukulnya tanpa belas kasihan.

Ayah mengangkat kayu balak. “Anak jahat, anak durjan, Berani engkau cagak kasta. Lihatlah rupa sebenar saya”. Pukulan bertubi-tubi menjunam tubuh Kathiresan. Serpihan dari bahagian serpihan kayu mengalir ke bawah kaki. Lengan diangkat untuk mengelakkan pukulan. Tiada yang baru Kathiresa, Dia akan memukul sehingga kemarahannya reda. Penentangan hanya akan meningkatkan kemarahan. Hatinya berbisik supaya biarkan sajalah pukulan. Badan akan sembuh kemudian.

(Suthattam Aadum Kaalam, p.64)
(Re. Karthigesu, 2005)

Luahan beremosi seumpama ini kebanyakannya berpuncakan faktor dalaman yang dilalui oleh keluarga mereka. Noviawati dan Naredri (2017) pernah mengkaji tentang masalah sosial dan psikologi yang tinggal di desa. Mereka mengemukakan kajian berkaitan isu depresi yang dimiliki oleh masyarakat miskin yang ditinggal di desa atau ladang. Dalam novel ini, watak Arumugam iaitu ayah Kathiresan kelihatan abnormal dan memiliki depresi yang tinggi. Apabila isterinya melarikan diri, depresi dalam watak ayah Kathiresan meningkat sehingga meluahkan emosi negatif terhadap isterinya dalam semua situasi. Pengarang memfokuskan masalah sosial dan psikologi penduduk yang bermigrasi dari kawasan ladang sebagai dasar novel. Menerusi penulisan kreatif pengarang. Pembaca dapat merasai rasa berang yang diluahkan oleh watak Arumugam dalam cerpen ini.

SITUASI 4 (Rasa Berang)

Dalam novel ini, watak ayah Kathiresan mengekspresikan rasa berang terhadap watak isterinya. Akibat rasa berang, watak Arumugam sanggup melontarkan kata-kata sensitif yang mampu mengguris hati watak Kathiresan. Watak Arumugam dalam novel ini mengalami rasa berang disebabkan anaknya tidak mengikuti kehendaknya. Kathiresan melarikan diri dan berselindung dengan guru Murugesan setelah ayahnya Arumugam mendera. Guru Murugesanlah yang sanggup membantu Kathiresan menyambung pelajaran hingga di universiti. Setelah berjaya menjadi pensyarah, Kathiresan berhasrat untuk balik kampung menziarahi ayahnya. Kedatangan Kathiresan tidak disambut dengan gembira oleh ayahnya lalu meluahkan rasa marah. Apabila Kathiresan tegas untuk bercakap dengan ayahnya yang kian lama berpisah, rasa berang terlontar daripada watak Arumugam. Sedutan berikut menerangkan perasaan berang yang diluahkan oleh watak ayah Kathiresan.

“Kenapa? Saya tidak mahu sebarang tali perhubungan dengan kamu. Engkau jangan terlalu sombong dengan kerjaya dan pendapatan. Saya mempunyai kekuatan badan. Sanggup bekerja mencari pendapatan. Kami disini tinggal bersendirian. Tidak memerlukan bantuan dan perhatian daripada kamu. Berambus kau dari sini. Ini rumaku. Jangan datang ke sini menunjuk kehebatan engkau”.

(Suthattam Aadum Kaalam, p.105)
(Re. Karthigesu, 2005)

Apabila terlihat perbualannya, watak ayah Kathiresan memarahi anak serta menggelarnya sebagai orang yang tidak berguna dalam kehidupan dan berambus dari rumah. Kathiresan yang berjaya dalam kehidupan telah mencetuskan rasa cemburu kepada ayahnya Arumugam. Dia tidak dapat menerima kenyataan bahawa anaknya Kathiresan boleh berjaya dalam pelajaran walaupun dia menimpa pelbagai kesukaran. Anak yang melarikan diri akibat penderaan ayahnya kini telah berjaya dalam kehidupan telah menimbulkan rasa berang kepada Arumugam. Sepatutnya, seorang ayah harus menunjukkan kasih sayang terhadap anaknya. Seorang ayahlah yang bertanggungjawab perlu memberi perhatian dan menjaga keperluan anak walaupun isterinya tiada. Kajian J.Hans Hanga Tobing (2013) membuktikan bahawa orang tua cenderung mengutarakan kekerasan verbal terhadap anak mereka.

SITUASI 5 (Rasa Berang)

Novel *Suthattam Aadum Kaalam* juga memaparkan rasa berang yang dihadapi oleh Kathiresan dan kawannya yang bernama Barathi dalam usaha mencari ibu Kathiresan. Kathiresan telah meminta bantuan daripada Barathi untuk memberi cadangan bagi mencari tempat kediaman ibunya. Barathi juga rela membantu Kathiresan. Maka Barathi telah memberi cadangan untuk memberi iklan dalam surat khabar Tamil dan English Ketika itu. Kathiresan mendapati cadangan ini akan membantunya untuk mencari ibunya dengan lebih cepat. Oleh itu, Kathiresan bersetuju dan memberi iklan mengenai ibunya di surat khabar. Kathiresan dan Barathi telah menunggu panggilan telefon mengenai ibunya selepas memberi iklan dalam surat khabar. Tiba-tiba mendapat panggilan telefon. Barathi telah mewakili Kathiresan untuk menjawab panggilan telefon tersebut. Panggilan itu daripada orang yang tidak dikenali dan hanya menelifon sekadar untuk mempermainkan perasaan Kathiresan dan Barathi. Orang yang menelifon hanya bergurau senda mengenai ibu Kathiresan dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Barathi. Situasi ini menimbulkan rasa berang dalam diri Barathi sehingga Barathi memarahi orang tersebut dengan penuh rasa kemarahan. Berikut adalah luahan perasaan berang Barathi semasa menjawab panggilan telefon tersebut.

“Berambuslah engkau jahanam. Jika tidak, saya akan memberi nombor telefon engkau kepada polis. Pihak polis akan mengecam engkau dan mengambil tindakan undang-undang terhadap engkau!

(Suthattam Aadum Kaalam, p.153)

(Re. Karthigesu, 2005)

Beginilah Barathi memberi amaran kepada orang itu. Apabila menerima panggilan telefon Kathiresan dan Barathi berasa begitu yakin dan gembira untuk mendapatkan maklumat tentang ibu Kathiresan. Tetapi malangnya, panggilan itu telah menyakitkan hati Kathiresan dan menimbulkan perasaan marah terhadap orang yang menelifon. Kathiresan juga berasa putus hati. Kathiresan tidak dapat menerima situasi tersebut dan dia memang kluatir tentang iklan yang diberi mengenai ibunya di surat khabar. Namun Barathi, menjadi tunggak keyakinan Kathiresan dalam usaha mencari ibunya. Pelbagai rintangan telah dilalui oleh Kathiresan. Panggilan telefon yang diterima hanya memainkan perasaan Kathiresan.

RUMUSAN

Menerusi analisis karya Re. Karthigesu, watak dalam cerpen-cerpen yang dikaji itu mengemukakan perasaan berang yang berkait rapat dengan peristiwa kehidupan seharian mereka. Teori *rasa-fenomenologi* yang disarankan oleh Sohaimi Abdul Aziz diguna pakai dalam kajian ini. Penerapan teori *rasa-fenomenologi* dalam novel Re. Karthigesu dianalisis untuk mendapat maklumat yang jelas mengenai penggunaan teori tersebut. Penggunaan teori dalam usaha mengkaji penerapan *rasa-fenomenologi* dari aspek pengalaman estetik yang diperolehi melalui lapan ekspresi tetap dalam diri manusia memudahkan kajian yang ingin dijalankan.

Teori *rasa-fenomenologi* amat sesuai untuk menganalisis perasaan watak-watak tersebut. Pengarang memaparkan luahan perasaan watak melalui teknik penulisan yang kreatif. Menerusi teori *rasa-fenomenologi*, pembaca memiliki kemahiran seperti sensitif, imaginatif dan intelek untuk memperhalusi kandungan novel *Suthattam Aadum Kaalam*. Berdasarkan analisis, novel *Suthattam Aadum Kaalam* yang dikaji itu memperincikan cabaran hidup yang dilalui oleh masyarakat Tamil dalam kehidupan mereka masing-masing. Pengarang telah menyelitikan perasaan-perasaan yang dilalui oleh watak-watak dalam cerpen tersebut. Latar tempat, latar masa dan persekitaran juga menjadi faktor-faktor dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam* supaya dikaitkan dengan watak sehingga mengalami perasaan berang. Pengarang Re. Karthigesu memaparkan perasaan berang berbanding dengan aspek emosi lain seperti mana yang disenaraikan dalam teori *rasa-fenomenologi*.

Novel *Suthattam Aadum Kaalam* hasil karya Re. Karthigesu turut memaparkan perasaan berang dalam pelbagai situasi seperti mana yang dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Aziz dalam teori *rasa-fenomenologi*. Pengarang memaparkan kemarahan menerusi watak yang diceritakan dalam novelnya. Menerusi watak, pembaca turut merasai kemarahan, empati dan mencapai pengalaman estetik yang ditonjolkan oleh pengarang. Situasi-situasi seperti penindasan, penderaan, kedudukan dan sebagainya turut mengguris hati pembaca. Emosi tetap pengarang Re. Karthigesu menjadi sebatian dengan emosi tetap pembaca menerusi novel yang dihasilkannya.

Pembaca turut melalui situasi-situasi yang menyebabkan rasa berang seperti penderaan, penindasan, penyeksaan dan menghina kedudukan. Situasi-situasi sedemikian dihadapi oleh watak-watak dalam novel *Suthattam Aadum Kaalam* sehinggakan mengalami rasa berang. Teknik penulisan pengarang dapat memikat hati para pembaca sehingga turut terasa situasi yang dialami oleh watak yang dikaryakan dalam novel tersebut.

Dengan ini terbuktilah bahawa analisis data yang dihasilkan oleh pengkaji adalah sah dan tepat. Kajian ini berjaya menganalisis jenis-jenis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu. Objektif kajian yang dilakar untuk mengenal pasti jenis-jenis ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu. Keduanya, pengkaji juga menganalisis hubungkait ekspresi rasa dalam novel-novel Re. Karthigesu dengan emosi tetap pembaca berdasarkan teori *rasa-fenomenologi*. Ketiganya, pengkaji juga menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan oleh pengarang melalui ekspresi rasa. Berdasarkan teori ini, pengkaji berusaha untuk membentuk idea baharu dengan mengulas hasil dapatan dalam landasan yang betul.

RUJUKAN

- Annathurai & Mohan Daas. (2020). Sejarah Perkembangan Novel Tamil Malaysia, *DSIS Journal, Jabatan Pengajaran India, Universiti Malaya*.
- Anushea Veni Velosamy. (2005). *Peranan watak utama dalam cerpen R. Karthigesu*. Tesis Sarjana Pendidikan. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azaha Bin Ibrahim, (2016). *Rasa Fenomenologi dalam filem-filem arahan dan lakon oleh P. Ramlee*. Tesis PHD. Universiti Malaysia Kelantan.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods*, (4th ed). Oxford University Press, New York.
- BIRKERTS, S. (2012). *Emerson's The Poet - A Circling*. *Poetry*, 200(1), 69-79.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Sastera*. Retrieved on April 10, 2022 from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sastera>
- Cherry, K. (2020, Jun) What is Psychology? Verywell Mind. Retrieved on April 1, 2021 from <https://www.verywellmind.com/psychology-4014660>
- Code Blue. (2019, November 20). Teen Suicide Mounting Crisis? MOH survey Reveals Details. Retrieved on April 1, 2021, from <https://codeblue.galencentre.org/2019/11/20/teen-suicide-mounting-crisis-moh-survey-reveals-details/>
- Creswell, J. W., 2009. *Research Design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (3rd ed.). Sage publications.
- Grant, L. (1987). *Psychology and Literature: A Survey of Courses, Teaching of Psychology*. 14(2). 86-88, Retrieved on April 1, 2021 from DOI: 10.1207/s15328023top1402_4
- Karthigesu, R. (2005). *Suthattam Aadum Kaalam*. Chennai: Mithra Publications.
- MARSHALL, R. (2011). Steinbeck's Cognitive Landscapes in The Grapes of Wrath". *The Highway as Commentary on 1930s industrialization. The Steinbeck Review*, 8(1), 57-56. Retrieved April 1, 2021. From <http://www.jstor.org.ezproxy.edu.my/stable/41561792>

- Magaswari Eliyarni .(2021).*Cetusan Envakai meyyptatu dalam novel M.Ramaiah*.Tesis Doktor Falsafah. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mariappan,P.,& Ponniah,K.(2022).Rasa Duka Dalam Cerpen-Cerpen M.Navin.*International Journal Education, Psychplogy and Counseling*,7(46),133-145.
- Muhammad Nor sahfiq Bin Amran, Mas Rynna Wati Ahmad. (2021). *Rasa emosi Hang Jebat dalam hikayat Hang Tuah, Jurnal Melayu*, Bil.20 (2) 2021.
- Mohamed, M.N.(2014). *Pengenalan kepada Psikologi*. In M.M. Nazar, Pengantar Psikologi (p.5).Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Fadzli Abu Bakar. (2005). *Emosi dan Perkembangan*. In Yahaya Azizi, Suboh Asmah, Zakariya Zurihanmi, & Yahaya, Fawziah (Eds).*Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan*.Pahang: PTS Publication.Retrieved on April 1, 2021 from <http://eprints.utm.my/id/eprint/6302/>
- Nur Ashidah Yahya. (2020). *Sejarah dan Simptom Kemurungan: Kajian Literatur: History abd Depression Symptoms: A Literature Reviews*. Sains Insani, 5(1), 34-42 <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.130>
- Ramaprasad, D. (2013). Emotions: An Indian Perspective. *Indian Journal Of Psychiatry*, 55(6), 153-156.Sohaimi Abdul Aziz. (1998). *Rasa- Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A.Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Picasso,P.(1988,Mei).Pablo speaks, *The arts*, New York, 315-326.
- Puspa Nathan Naharajah. (2014). *Wanita Dalam Cerpen-Cerpen R.Karthigesu*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ponniamah M.Muniandy.(2016).*Kebudayaan Masyarakat Tamil Malaysia Dalam Antologi Cerpen Re.Karthigesu*.Tesis PHD: Universiti Putra Malaysia.
- Vijayalatchumy, M.& Navin, M. (2020). *Malaysiyavil Tamil sirukathai varalarum athan kalavarisai pakupum* (history Of Malaysian Tamil Short Stories and its Chronology). *Journal Of Tamil Peraivu*, 9(2), 104-118.

Kaleiwani Subramoniam
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: kaleiwani81@gmail.com

Manonmani Devi M.A.R Annamalai
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: manonmanidevi@fbk.upsi.edu.my